

13 SEP 2003

MUSTAPA-BAJET

MUSTAPA SIFATKAN BAJET 2004 YANG TERBAIK DALAM MASA 30 TAHUN

KOTA BAHARU, 13 Sept (Bernama) -- Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed menyifatkan Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, adalah yang terbaik untuk seluruh rakyat dalam tempoh 30 tahun lepas.

Mustapa, bekas Menteri Kewangan Kedua, berkata berdasarkan pengalamannya selama 30 tahun dalam kerajaan, Bajet 2004 merangkumi semua aspek termasuk penekanan kepada pembangunan sumber-sumber pertumbuhan domestik.

"Tidak pernah ada dalam sejarah negara kerajaan memberi begitu banyak perhatian kepada sumber-sumber pertumbuhan domestik kerana bajet-bajet yang lepas kita banyak memberi perhatian kepada kemasukan pelaburan asing," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata melalui bajet tersebut jelas memperlihatkan komitmen kerajaan untuk membantu peniaga kecil serta pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS).

Beliau berkata Perdana Menteri juga memberi penekanan kepada usaha-usaha membela wanita.

"Bajet ini relevan dengan rakyat Kelantan, Perdana Menteri akan tetap membela wanita termasuk wanita di Kelantan jadi kita mengucapkan terima kasih kepada penegasan tersebut," katanya.

Mengenai kenaikan duti import dan eksais rokok dan produk tembakau sebanyak 20 peratus, Mustapa berkata penanam tembakau di negeri ini tidak perlu bimbang kerana sebenarnya ia menguntungkan mereka berikutan langkah kerajaan membanteras penyeludupan rokok.

"Penanam tembakau harus berterima kasih kepada kerajaan kerana dengan dikenakan cukai import yang tinggi maka orang Kelantan boleh terus menanam tembakau," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata Bajet 2004 merupakan bajet berhemah dan seimbang yang antaranya memperlihatkan langkah kerajaan yang cukup berwaspada dengan perbelanjaan.

Beliau yang juga Bendahari Umno Kelantan berkata dengan disiplin kewangan yang cukup baik, kerajaan akan dapat mewujudkan kestabilan mikro dalam jangka panjang iaitu mengurangkan defisit perbelanjaan dan ini sudah pasti disenangi oleh pelabur.

"Bajet ini seimbang juga kerana memberi penekanan kepada pelbagai golongan masyarakat iaitu menjaga mereka yang kurang bernasib baik, tumpuan kepada peniaga kecil, bantuan kepada mereka yang tidak memiliki rumah melalui program pemilikan rumah kos rendah dan kos sederhana yang akan diambil alih oleh kerajaan sepenuhnya," katanya.

--BERNAMA

BD NHD